



TEKS UCAPAN

MAJLIS PENUTUPAN KURSUS KETENTERAAN/ KETAHANAN DIRI BAGI PEGAWAI GRED 27-41 SESI KE2

OLEH
Y.BHG. EN. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)RISDA

DI BATALION KE-4, REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA, KEM TAPAH,
TAPAH, PERAK DARUL RIDZWAN
10 MEI 2008 (SABTU)
9.30 PAGI

Yang Berusaha saudara Pengacara Majlis,

Y.Bhg. Leftenen Kolonel Yusoff bin Omar
Pegawai Memerintah 4 Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD)

Y.Bhg. Hjh. Wan Esah bt. Ton Harun
Pengarah Bahagian Latihan RISDA,

Y.Bhg. Mejar Hamsan bin Jelani
Penolong Pegawai Pemerintah 4 Rejimen Askar Melayu Diraja,

Pegawai-pegawai 4 RAMD dan RISDA,

Serta Peserta-peserta Kursus sekalian.

Assalamualaikum w.bt.

Penghargaan

1. Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana di pagi yang penuh berkat ini, dapat kita berhimpun di dewan ini untuk Majlis Penutupan Kursus Ketahanan Diri/ Ketenteraan. Ini merupakan kursus kali kedua yang diadakan bersama Rejimen Askar Melayu DiRaja dan saya amat menghargai kerjasama yang telah diberikan. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan salam daripada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini atas urusan rasmi yang lain. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk

3

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Memerintah 4 RAMD, Leftenen Kolonel Yusoff bin Omar kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis penutupan kursus ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Objektif kursus

3. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memupuk semangat jati diri, kerja berpasukan dan memupuk semangat cintakan negara.

4

4. Kursus telah bermula pada 27 April 2008 lalu dan berakhir pada hari ini, iaitu 10 Mei 2008. Ini adalah kumpulan kedua yang merangkumi seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai RISDA yang baru dilantik. Kursus pada kali ini disertai oleh seramai 30 orang pegawai lelaki dan 35 orang pegawai perempuan. Selepas ini akan disusuli pula oleh kumpulan-kumpulan lain yang akan dijalankan secara berperingkat-peringkat oleh Bahagian Latihan RISDA.
5. Saya percaya bahawa kursus yang telah dijalankan selama 13 hari ini akan dapat menyerap semangat integriti, kerja

5

berpasukan, ketahanan diri serta disiplin ke dalam jiwa pegawai-pegawai RISDA, terutamanya yang baru berkhidmat. Semoga kursus-kursus seperti ini dapat dijalankan dari semasa ke semasa yang meliputi keseluruhan pegawai-pegawai RISDA yang sedang berkhidmat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bentuk latihan

6. Saya difahamkan latihan yang dijalankan meliputi perkara-perkara seperti ketahanan mental dan fizikal, kawad kaki, pengendalian senjata, menembak, latihan pandu arah, pengetahuan agama, kemahiran berfikir dan abseiling.

6

7. Melalui silibus yang telah disediakan, saya dapati banyak yang dapat dipelajari oleh peserta-peserta kursus. Saya pasti sudah tentu ramai dalam kalangan peserta pada hari ini belum pernah mengendalikan senjata dan menembak. Sudah tentu dengan adanya kursus ini, ia dapat memberi satu pengalaman baru kepada peserta-peserta kursus pada hari ini. Walaupun tuan-tuan dan puan-puan tidak berkesempatan untuk menyertai **program khidmat negara** tetapi melalui program ini tuan-tuan dan puan-puan diberi peluang untuk merasai pengalaman yang serupa dengan peserta program khidmat negara. Saya rasa

7

tuan-tuan dan puan-puan cukup bertuah kerana diberikan peluang yang begitu berharga ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Persepsi awal peserta

8. Walaupun pada awalnya saya percaya ramai yang berat hati untuk menyertai kursus ini. Ada di antara peserta khususnya pegawai senior mohon supaya dikecualikan daripada menghadiri kursus ini. Melalui jadual yang telah diberikan, saya dapati jadual untuk kursus ini agak padat. Program harian bermula seawal jam 6.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah malam.

8

9. Tetapi setelah beberapa hari mengikuti kursus saya rasa persepsi ini telah berubah menjadi suatu keseronokan dan cabaran kepada peserta. Itu lah juga yang telah di alami oleh pegawai-pegawai kumpulan pertama kursus ini. Dapat saya lihat di sini terdapat program-program yang menarik telah diatur seperti “camp fire”, “treasure hunt” dan “latihan menembak”; sudah tentu memberikan suatu pengalaman yang berharga kepada peserta-peserta. Melalui program-program yang telah dijalankan secara tidak langsung, tuan-tuan dan puan-puan dapat menimba pengalaman baru. Mungkin juga ada yang pertama kali merasainya.

9

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Core Competencies

Suka saya nasihatkan disini, setiap pegawai haruslah mempunyai keterampilan teras atau *core competencies* untuk menjalankan tugas masing-masing secara cekap dan berkesan dalam sesuatu jabatan. *Core competencies* ini termasuk pemikiran konseptual dan analitikal, kebolehan bekerja dalam kumpulan, tumpuan kepada kualiti, produktiviti dan pelanggan serta pengwujudan jalinan perhubungan atau *networking*. Jika setiap pegawai dapat menentukan ia mempunyai semua keterampilan teras yang diperlukan bagi

jabatannya pada setiap masa, maka tahap profesionalisme kita akan meningkat. Semua perkara ini terkandung dalam silibus kursus ini.

10. Kita harus bersedia untuk melengkapkan diri dari masa ke semasa dengan kekuatan diri, mental dan fizikal. Kita mempunyai dasar, hala tuju strategi dan program serta projek bagi membangunkan sektor pekebun kecil. Untuk itu semua pegawai risda perlulah bersedia dari semasa ke semasa untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar dapat menjadi pegawai yang berilmu dan berketrampilan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Setiap pegawai peserta kursus ini diharapkan dapat mempunyai nilai **pemikiran positif** dan berkeyakinan tinggi. Apabila kita mempunyai nilai pemikiran positif, kita akan berkomited terhadap kejayaan sesuatu program atau projek yang di laksanakan. Malah nilai pemikiran positif merupakan nilai pendorong yang akan menentukan sejauh mana kita akan berjalan *extra mile* untuk mencari penyelesaian kepada masalah dan isu berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan program-program baru yang dijalankan oleh RISDA.

Harapan dari kursus ini

12. Saya percaya dan yakin bahawa melalui kursus yang dijalankan ini dapat melahirkan peserta kursus yang :
- I. Berkebolehan dalam pengurusan dan kepimpinan
 - II. Dapat membina keyakinan diri dalam menghadapi cabaran dan rintangan
 - III. Dapat bekerjasama dalam satu kumpulan
 - IV. Ketahanan fizikal, mental dan disiplin diri
 - V. Memperkasa nilai bina insan

13. Keperluan Pegawai Multi Skill

Dalam masa yang sama, kemahiran, kebolehan dan pengetahuan dalam mana-mana satu bidang kerja sahaja belum lagi mencukupi. Untuk menjalankan tugas kita secara cekap dan berkesan, kita memerlukan kemahiran dalam pelbagai bidang dan disiplin. Kita perlu berlumba-lumba menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran kerana pegawai-pegawai yang berilmu akan memberikan kesan yang positif.

14. Buku 'The Art of War' oleh Sun Tzu

Membaca akan meningkatkan ilmu pengetahuan. Budaya membaca mesti diamalkan oleh setiap Pegawai RISDA, Dalam konteks kursus ini, saya sarankan semua supaya membaca Buku 'The Art of War' oleh Sun Tzu. Buku ini di tulis untuk membantu Maharaja China pada zaman dahulu untuk berfikir bagaimana untuk memenangi peperangan tanpa melawan iaitu 'Win without fighting'. Sun Tzu menitikberatkan perancangan, strategi, latihan, disiplin serta kerja berpasukan. Walaupun strategi Sun Tzu ini adalah untuk kegunaan tentera tetapi kini semua pakar motivasi telah menggunakan strategi Sun Tzu ini untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan juga perniagaan.

15

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16.Warga RISDA ke arah minda kelas pertama

Kalau selama ini kita anggap tugas kita sebagai satu routine, sudah sampai masanya kita beralih arah untuk menjadikan tugas kita sebagai satu cabaran. Kita perlu suatu perubahan dan pembaharuan yang besar. Kita perlu suatu proses transformasi yang akan mengubah minda kita. Kita perlu berani bertarung minda dalam persekitaran global. Berlumbalah untuk mendapatkan ilmu dan rebutlah peluang yang terbentang luas.

16

a. Komitmen

Kita perlu komited 100% kepada tugas yang telah diamanahkan kepada kita. Masa kerja kita kerja, masa main kita main tetapi jangan kita kerja main-main.

b. Integriti dan akauntabiliti

Dalam perkhidmatan Awam, kita perlu mantapkan ketelusan dan pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik. Saya highlight perkara ini supaya kita dalam RISDA menghindarkan diri daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. RISDA telah pun merangka satu Pelan Integriti RISDA berlandaskan

17

Pelan Integriti Nasional. Saya harap Tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan ikhlas demi mencapai objektif RISDA tanpa mempunyai niat untuk memberi keuntungan peribadi, keluarga, rakan-rakan atau entiti lain.

c. Willingness to accept change

Kita perlu sifat mahu terima perubahan. Kita perlu ubah sikap kita, kita perlu menukar minda kita. Kita masih perlu belajar lagi. Kita tidak boleh hanya hidup dengan pengetahuan yang kita warisi dari zaman kita mula bekerja 20 tahun dahulu. Buat kerja seperti lama tapi dengan cara baru, teknologi baru. Kita mesti bijak, memanfaatkan bioteknologi, kemudahan ICT dan lain-lain. Tapi

18

semua ini memerlukan satu perubahan sikap yang ingin merubah sesuatu yang lebih baik. Cara baru yang lebih baik untuk hasil yang lebih tinggi.

d. Bekerja sebagai pasukan

Saya juga telah menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang. Semua perlu mempunyai sikap sanggup bersama-sama di kala senang dan susah. Ibarat.....

19

Seberkas selilitan, seikat setalian
Secembul sepergaulan, Setakar seulian
Berdiri sama tinggi, Duduk sama rendah
Mengereng sama condong, Baring sama panjang
Hati gajah sama di lapah, Hati nyamuk sama di cicah
Kalau sedikit, secubit seorang,
Kalau banyak, sesenduk seorang

17. Saya amat berharap semua peserta dapat mempertingkatkan pengetahuan dan akan mempraktikkan apa yang diperolehi dalam kursus ini. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat

20

menjayakan aktiviti pembangunan RISDA dan kita akan terus cemerlang dalam membangunkan masyarakat pekebun kecil yang sejahtera.

18. Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yg. Bhg. Leftenen Kolonel Yusoff bin Omar serta semua pegawai Batalion Keempat, Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Tapah ini yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan kursus ini. Kerjasama yang telah diberikan amat dihargai.

21

19. Dengan kata-kata itu, dan dengan lafaz **Bismillahirrahmanirahim**, saya merasmikan majlis penutupan kursus ketahanan diri/ ketenteraan ini.

Sekian, wabillahi taufik wal-hidayah wasallamualaikum w.b.t.

22